

Injil Yang Diaku Sah Dan Yang Tidak Sah Oleh Kristian

Rencana di bawah ini kami petik dari ceramah radio dalam “Ruangan Tafsir al-Qur’ān” oleh al-Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad pada malam Jumaat 4 Jun 1964 yang lalu. Kerana isinya kami anggap penting bagi mereka yang ingin mengetahui sedikit sebanyak tentang kitab-kitab “Bible” yang diakui sah dan yang tidak sah di sisi penganut-penganut agama Kristian, maka di sini kami sajikan, mudah-mudahan memberi manfaat bagi sidang pembaca Qalam yang berdiman.¹

(Oleh: Ahmad Sonhadji Mohamad)

Menyambung ceramah yang lalu mengenai ayat 17 al-Mā'idah di mana diterangkan oleh Allah dengan firman-Nya (*Laqad kafara al-ladhīna qālū inna Allāha huwa al-masīhu ibnu maryam*). Ertinya: “Sesungguhnya telah kufur orang-orang yang mengatakan Tuhan itu ialah al-Masīh anak Maryam.”

Orang-orang yang dimaksudkan di sini ialah kaum Nasrani, kerana dalam pengajaran mereka menyebutkan Nabī 'Īsā atau juga dikenal dengan sebutan “Jesus” itu adalah Tuhan. Ini ada disebutkan dalam Bible mereka.

Untuk pengetahuan kita sekalian, elok rasanya saya bawakan di sini penerangan ringkas berkenaan Bible atau kitab-kitab Injil itu.

Ada 4 buah kitab Injil yang mereka akui iaitu; Injil Matta (Mathews), Injil Marcus, Injil Lucas dan Injil Yahya (Yūhannā). Dan ada pula sebuah kitab Injil yang lain bernama Injil Barnaba, tetapi kitab ini tidak mereka akui.

Dan sekarang marilah kita singkap tiap-tiap sebuah dari kelima kitab Injil yang saya sebutkan tadi.

Injil Matta (Mathews)

Ditulis oleh sala seorang murid Nabī 'Īsā dari golongan orang-orang Hawāriyyīn yang 12 orang banyaknya. Orang-orang Hawāriyyīn ini (mengikut kepercayaan orang Kristian) disebut juga “Rasul-rasul” kerana mereka itu mendapat *rūh al-quḍus* atau wahyu. Juga disebut “Qadīs” atau “Saint” yakni keramat kerana dapat melakukan perkara-perkara yang luar biasa. Penulis kitab ini bernama Matta atau Mathews, lalu dinisbahkan orang kitab yang ditulisnya itu kepada namanya, menjadi “Injil Mathews”.

Isi kitab Injil ini menceritakan riwayat Nabī 'Īsā dari semenjak dalam kandungan ibunya hingga disalib (mengikut kepercayaan orang Kristian) kemudian bangun dari kubur setelah ditanam selama 3 malam kemudian setelah 40 malam dinaikkan ke langit. Dalam kitab ini juga tersebut tentang kepercayaan-kepercayaan menurut yang diajarkan oleh Nabī 'Īsā kepada mereka, serta kedudukan salib dan penebusan.

Mengikut ceritanya Matta ini, ialah daripada pegawai-pegawai kerajaan Rom yang menjajah negeri Palestin sebagai seorang pemungut cukai bagi daerah Nahum dalam

¹ Perkataan sebenar ialah budiman.

Wilayah al-Jalil (Galilea²) orang-orang Yahudi sangat memandang hina kepada pegawai-pegawai tersebut kerana menolong pihak penjajah merampas kekuasaan dan kekayaan negeri mereka sendiri.

Pada suatu hari (Matta sendiri menceritakan dalam kitabnya) bahawa ia diajak oleh Nabī ‘Īsā supaya mengikutinya. Dia pun mengikutinya dan dituruti oleh pemungut-pemungut cukai yang lain, kemudian mereka telah menjadi murid-murid Nabī ‘Īsā dan mengikuti pelajaran agama yang dibawanya.

Kemudian setelah al-Masīh meninggalkan mereka, Matta bekerja keras mendakwahkan agama ini ke berbagai negeri hingga meninggal dunia pada tahun 70 masihi di negeri Ḥabshī, kerana dibunuh oleh seorang pembantu Raja di sana. Setengah riwayat mengatakan dia dibunuh dengan tombak di negeri Ḥabshī juga pada tahun 62 masihi. Dan negeri inilah merupakan daerah penyebaran agama Kristian yang disiarkan olehnya selama 23 tahun.

Matta telah menulis Injilnya dalam Bahasa Yahudi atau Siryani, supaya dipelajari oleh orang-orang Yahudi, kerana kepada merekalah mula-mula ia menyerukan agama.

Kemudian kitabnya itu diterjemahkan orang ke dalam Bahasa Yunani (Greek) – tidak pula dijelaskan di mana mula-mula dia ditulis, dan tangan yang menuliskannya, serta siapa yang menyalinnya ke dalam Bahasa Yunani – sekalipun ada diceritakan dia ditulis pada tahun 14 masihi.

Dr. Paust menyebutkan dalam “Kamus Kitab Suci” bahawa Injil itu ditulis sebelum runtuhnya Kota Jerusalem, sedang runtuhnya Kota itu kira-kira pada tahun 71 masihi, bererti ada kemungkinan³ ditulis pada tahun 60 dan 65 masihi.

Ada pun Injil Mathews yang paling tua, hanya

didapati oleh orang dalam Bahasa Yunani sahaja. Maka berbagai-bagai kemungkinan⁴ boleh timbul atau berlaku mengenai keaslian Injil yang ditulis dalam Bahasa⁵ Yahudi itu bila mana dia telah disalin atau diterjemahkan ke dalam Bahasa Yunani.

Injil Marcus

Ditulis oleh seorang Yahudi Jerusalem, bukan dari orang-orang Hawāriyyīn. Namanya Yūhannā (Yahya) tetapi orang menggelarkannya “Marcus”. Dia seorang murid yang pertama sekali memenuhi panggilan al-Masīh. Jadi adalah ia salah seorang di antara 70 orang yang dipilih oleh al-Masīh yang mendapat *rūh al-qudus* setelah Nabī ‘Īsā meninggalkan mereka. Dalam kitab “Sejarah Qibī” disebutkan; Tuhan Jesus selalu datang ke rumahnya. Di rumah inilah Jesus memakan Easter serta murid-muridnya, dan pada salah satu bilik rumahnya *rūh al-qudus* turun kepada murid-murid Jesus.

Dalam kitab “Perbuatan Rasul-rasul” disebutkan; setelah Jesus naik ke langit, murid-murid Jesus selalu bertemu dengan Marcus ini, dan setelah lama juga Marcus tinggal bersama-sama dengan bapa saudaranya yang bernama “Barnaba” yang termasuk menjadi salah seorang Rasul-rasul juga. Bapa saudara Marcus ini alim dalam agama. Dia juga menulis Injilnya sendiri yang terkenal dengan nama “Injil Barnaba” tetapi tidak disahkan oleh Kongres Gereja-gereja dan dilarang orang membacanya. Marcus dan Barnaba kedua-duanya menyebarkan agama sampai ke Siphir, lalu di sana berpisah. Marcus menyebarkan agama pula ke Utara Afrika dan kadang-kadang ke Rom. Tetapi yang banyak memeluk agama Masihi ialah orang-orang di negeri Mesir. Malangnya di Mesir pula dia ditangkap, disiksa dan dibunuh pada tahun 62 masihi oleh orang-orang penyembah berhala.

Kata kitab “Murūj al-Akḥbār” Marcus tidak

² Perkataan sebenar ialah Galilee.

³ Perkataan sebenar ialah kemungkinan.

⁴ Perkataan sebenar ialah kemungkinan.

⁵ Perkataan sebenar ialah Bahasa

mengakui ketuhanan Jesus, dan Injilnya ditulisnya atas permintaan orang-orang Rom iaitu dalam Bahasa Rom. Tarikh penulisnya pada tahun 61 masihi. Tetapi “Harun” menyebutkan antara tahun 56 dengan 62 masihi.

Injil Yahya

Ada pertelingkahan pendapat antara orang-orang Kristian tentang si penulis kitab ini. Kebanyakan mereka mengatakan yang menulisnya ialah Yahya, dan dia ini ialah Yūhannā anak Zabīdī penangkap ikan yang dikasihi oleh Nabī ‘Īsā al-Masīh.

Tetapi ada pula yang tidak mengakui bahawa Yūhannā tersebut ialah Yahya penulis Injil. Bahkan dia seorang Yahya lain yang tidak mempunyai hubungan rohani dengan al-Masīh. Ini tercatat dalam “Ensiklopedia Britanica” yang turut mengarangnya 500 orang ahli-ahli agama Nasrani menulis tentang Injil sebagai berikut:

“Ada pun Injil Yahya, maka tiadalah syak lagi bahawa ia sebuah kitab yang dipalsukan, di mana pengarangnya bermaksud supaya dua orang Ḥawariyyīn bertentangan antara satu sama lain. Iaitu Qadīss (Saint) Yūhannā dan Mathews. Penulis yang palsu ini menuliskan pada permulaan kitab Yahya itu bahawa dialah yang bernama Yūhannā orang Ḥawariyyīn. Padahal dia yang sebenarnya bernama Yahya – bukan orang Ḥawariyyīn.”

Doktor Paust pula menolak keterangan di atas dengan mengatakan: “Setengah orang-orang kafir tidak mengakui Injil Yahya, kerana mereka tidak suka kepada pelajaran rohani. Terutama kerana Injil ini mengakui berterus terang tentang ketuhanan Jesus (‘Īsā), padahal keterangan ini cukup mempunyai bukti-bukti yang memadai.” Kemudian Dr. Paust itu menyebutkan sumber-sumber yang boleh

memperkuat pendapatnya, untuk menetapkan bahawa penulis Injil ini ialah Yahya orang Ḥawariyyīn. Dia juga menyebutkan penulis Injil ini berlaku pada tahun 95 atau 98 masihi.

Dan orang-orang Masihi sendiri sepakat mengatakan bahawa Injil yang dibangsakan kepada Yahya ini adalah sengaja ditulis untuk menutupkan ketuhanan al-Masīh yang tadinya mereka berlainan pendapat, kerana tidak mendapati sebarang keterangan di dalam ketiga-tiga kitab Injil yang terdahulu sebutannya. Kalau Injil Mathews ditulis pada mulanya untuk orang-orang Yahudi, Injil Marcus untuk orang-orang Rom, Injil Lucas dalam Bahasa Yunani, maka Injil Yahya ditulis untuk gereja umum. Jadi Injil Yahyalah yang terpenting di antara keempat-empat Injil tersebut. Sebab isinya menyebutkan tentang ketuhanan Jesus (‘Īsā) dengan terus terang, sedang Injil lainnya tidak. Maka oleh gereja-gereja Nasrani diputuskan untuk mengakui kitab tersebut sebagai naṣ yang sah.

Injil Barnaba

Pengarangnya ialah “Barnaba” bapa saudara Marcus yang telah terdahulu sebutannya. Mengikut naṣ-naṣnya mungkinlah ia Injil yang asli itu. Injil ini seperti lainnya juga mengkisahkan sejarah hidup al-Masīh – sejak dilahirkan hingga dituduh oleh pihak pemerintah bangsa Rom. Injil ini mempunyai perbezaan pendapat dengan Injil yang lain, misalnya; tentang ‘Īsā itu bukannya Tuhan hanya Rasul Tuhan, tentang Isma‘īl yang dikorbankan oleh Nabī Ibrāhīm itu bukanlah Ishāq – kerana dalam Injil yang lain Ishāq itulah yang dikorbankan – begitu pula tentang Messiah (Yasū‘) yang ditunggu-tunggu itu bukanlah ‘Īsā al-Masīh tetapi Muḥammad (S.A.W). Nama Nabī Muḥammad (S.A.W) disebutkan berkali-kali dalam berbagai fasal yang panjang. Tidak ada menyebutkan bahawa ‘Īsā itu al-Masīh disalib

hanya orang yang diserupakan oleh Allah dengannya itulah yang disalib.

Injil Barnaba ini telah terkenal dan dibaca orang sebelum Nabī Muḥammad (S.A.W) lahir lebih dari dua abad. Tetapi Injil ini tidak diakui oleh Kongres Gereja-gereja Kristian kerana adanya pertentangan pendapat seperti yang disebutkan sebahagian misalnya tadi, dan dilarang orang membacanya termasuklah beberap buah Injil yang lain daripadanya. Mengikut ahli sejarah, naskhah yang tertua sekali Injil Barnaba ini telah dijumpai pada tahun 1709 dalam Bahasa Itali. Ini berdasarkan kenyataan seorang pendeta Latin bernama Prameno. Ia menjumpai Injil Barnaba dalam tempat kitab Paus Pius yang kelima (Pope Sixtus) lalu disembunyikannya dan dibacanya baik-baik akhirnya ia pun memeluk agama Islam.

Dan pada permulaan abad 18 Injil Barnaba ini didapati pula Bahasa Sepanyol. Kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris.

Demikian tadi keterangan singkat mengenai kitab Bible orang-orang Nasrani atau Injil-injil yang ke 4 yang mereka akui iaitu, Injil Mathews, Injil Marcus, Injil Lucas (Lūqā) dan Injil Yahya. Dan sebuah Injil yang lain bernama Injil Barnaba, di mana setengah keterangannya ada mempunyai persamaan dengan keterangan yang ada dalam kitab al-Qurʾān, maka Injil telah tidak mereka akui dan dilarang mereka membacanya.

Hanya yang pula mendapat perhatian, di sini, iaitu keempat-empat Injil yang disebutkan di atas tidak diturunkan langsung kepada Nabī ʿĪsā al-Masīḥ *ʿalayhi al-salām* juga tidak dinisbahkan atau dibangsakan kepada Nabī ʿĪsā, bahkan dibangsakan kepada sebahagian murid al-Masīḥ atau orang yang termasuk di dalam golongan mereka yang telah menulis kitab tersebut.

Bacalah!

Isteri-isteri Nabī

Dipersesuaikan oleh: Ummu Muhsin daripada kitab

Nisaʿi al-Nabī karangan **Dr. Bint al-Shati**

Sebuah buku yang menggambarkan dengan sejelas-jelasnya rumahtangga Rasulullah *ṣallā Allāhu ʿalayhi wa sallam* yang menjadi ikutan dan contoh utama bagi umat Islam seluruhnya.

Sebuah buku yang sangat penting dibaca, terutama oleh wanita-wanita Islam.



Tebalnya 242 muka dan harganya \$2.50 sahaja

tambah belanja mengirimmnya 20 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapura, 14.